

BULETIN PMKu

POLITEKNIK METR0 KUANTAN



INOVASI
m/s 6, 7, 8 & 15



KERJASAMA STRATEGIK
m/s 20



PENGANTARABANGSAAN
m/s 1 & 13

POLYSKILL 2019

Berita lanjut di mukasurat 13



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 0328



CERTIFIED TO ISO 21081:2015
CERT. NO.: ECMS 0101



Agenzia Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency



ISSN 0108-0430
177012830303

BICARA PENA PENGARAH

SIDANG REDAKSI

Penaung

Rosli bin Zainuddin, AMP

Pengarah PMKu

Penasihat 1

Ahmad Tajudin bin Mustaffa

Timbalan Pengarah PMKu

Penasihat 2

Adilen @ Lucia binti Sul

Ketua Jabatan SA PMKu

Norsidah binti Othman

Ketua Unit BIPD

Editor

Effa Izzati binti Mahmun

Shahrul Azman bin Muhammad

Nik Faradila binti Nik Ismail

Laporan & Gambar

Sharizainor Sharina binti Mohamed Shariff

Nik Mohd Haikal bin Mohamed Hassan

Muhamad Asyraf bin Rosli

Nurul Safawati binti Abd. Aziz

Haslina binti Ahmad Muzakir

Nor Akashah binti Kassim

Noor Farizan binti Basroh

Nurhidayah binti Hilimi

Hafizah binti Ismail

Surayahanim binti Ali

Madya bin Murat

Anuar bin Ismail

Ng Siok Giek

Lee Pui Har



السلام عليكم

Salam Sejahtera

Saya melahirkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya keluaran Buletin PMKu Edisi Kedua bagi Tahun 2019 ini dapat dihasilkan. Sekalung ucapan terima kasih kepada ahli-ahli sidang redaksi dan kepada semua rakan strategik penerbitan kali ini.

Penerbitan Buletin PMKu merekodkan aktiviti yang dijalankan sepanjang semester di Politeknik METR0 Kuantan (PMKu). Penerbitan Edisi Kedua bagi Tahun 2019 ini mencatatkan warna-warni aktiviti PMKu bermula Julai sehingga November 2019 dan dikeluarkan agar PMKu dapat menyebar luaskan maklumat dan berita kepada semua pihak termasuklah industri, institusi dan komuniti.

Sebagai sebuah institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), PMKu komited untuk sentiasa berhubung dan berkolaborasi dengan industri bagi melahirkan graduan yang memenuhi keperluan tenaga kerja yang diperlukan oleh pihak industri. Buletin PMKu merupakan salah satu komunikasi kepada industri tentang persediaan dan proses ke arah melahirkan graduan yang serba boleh.

Semoga keluaran Buletin PMKu ini dapat diteruskan dengan bahan-bahan informasi yang menarik, pelbagai dan bermanfaat kepada pembaca di seluruh negara seterusnya memberi impak yang besar dalam pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat. Semoga dengan terbitnya buletin ini, PMKu memperoleh sokongan dan kolaborasi daripada semua pihak.

Salam Hormat dan Selamat Membaca.

Rosli bin Zainuddin, AMP

Pengarah Politeknik METR0 Kuantan (PMKu)

23 – 27 JANUARI 2019 (RABU – AHAD)

PROGRAM PENGANTARABANGSAAN EKSPEDISI PELANCONGAN (DTM3035)

PERKONGSIAN ILMU DAN BUDAYA DI YOGYAKARTA, INDONESIA

YOGYAKARTA, INDONESIA

Program kolaborasi antarabangsa dan perkongsian ilmu telah dijalankan oleh 12 pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) bagi kursus DTM3035 Tourism Expedition bersama pelajar dari Sekolah Tinggi Pariwisata Ambarukmo, Yogyakarta, Indonesia. Para pelajar saling bertukar ilmu pengetahuan dan kebudayaan menerusi aktiviti seperti pembentangan dan perbincangan ilmiah berkenaan industri pelancongan di Malaysia dan Indonesia serta pertukaran kebudayaan melalui demonstrasi masakan di antara dua negara.




5 MAC 2019 (SELASA)

PROGRAM PERKONGSIAN ILMU DAN KESENIAN ANTARA PMKu DAN GUANGZHOU

BAIYUN TECHNICIAN COLLEGE OF BUSINESS AND TECHNOLOGY, CHINA

GUANGZHOU, CHINA



Perjalanan kakitangan dan pelajar PMKu ke Guangzhou China membawa matlamat perkongsian ilmu dan kesenian di antara dua buah institusi pendidikan teknikal dan latihan vokasional di dua negara berbeza. Ilmu dan kesenian ukiran buah-buahan dan sayur-sayuran telah diadakan dengan jayanya. Perkongsian tentang kaedah pembelajaran dan latihan hospitaliti juga diperkenalkan kepada kakitangan dan para pelajar yang mengikuti program ini.



Pusat Latihan untuk 'Front Office'



Pusat Latihan untuk Masakan

1 – 2 JULAI 2019 (ISNIN – SELASA)

INTERNATIONAL CONFERENCE ON GLOBAL EDUCATION (ICGE)

UNIVERSITAS EKASAKTI SUMATERA BARAT, INDONESIA

Pensyarah PMKu, Encik Anuar bin Ismail telah menghadiri *International Conference on Global Education* yang bertemakan *Humanising Technology for Industrial Revolution 4.0* sebagai salah seorang pembentang. Persidangan anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universitas Ekasakti Sumatera Barat, Indonesia ini mengumpulkan para penyelidik dan pendidik dari seluruh negara. Tahniah di atas usaha dan komitmen Encik Anuar bin Ismail membawa nama PMKu ke persidangan peringkat antarabangsa seperti ini.



14 JULAI 2019 (AHAD)

ANUGERAH KECEMERLANGAN 2019 (JUNIOR CHEF)

HOTEL SERI MALAYSIA KUANTAN, PAHANG



Sekalung tahniah kepada pelajar semester 4, Saudara Muhamad Farhan Reza bin Hasim Zabar yang kini sedang mengikuti pengajian Diploma Perkhidmatan Makanan Amalan Halal (DHF) di PMKu. Saudara Farhan Reza telah menerima pengiktirafan kejayaan Anugerah Kecemerlangan 2019 (Junior Chef) daripada Persatuan Jurumasa Pantai Timur Malaysia. Syabas dan semoga terus cemerlang.



16 JULAI 2019 (SELASA)

LAWATAN PENANDA ARAS SMK TG PONGLIMA PERANG KE PMKU

POLITEKNIK METRO KUANTAN (PMKu), PAHANG

Terima kasih diucapkan kepada pihak SMK Tg Panglima Perang (SMKTPP) yang sudi berkunjung ke PMKu. Lawatan ini memberi tumpuan kepada penggunaan bilik kuliah yang berkonsepkan Collaborative Classroom iaitu *Technology Enable Collaborative Classroom* (TECC) yang telah direkabentuk dan dibangunkan untuk memberi impak cara pengajaran dan pembelajaran di Politeknik. Selain taklimat penggunaan alat-alat di TECC, pihak SMKTPP juga di bawa melawat ke fasiliti latihan yang ada di PMKu. Semoga dengan lawatan ini, pihak pengurusan sekolah menerima input dan maklumat berguna dan menjadikan PMKu sebagai pilihan para pelajar SMKTPP untuk menyambung pelajaran.



23 JULAI 2019 (SELASA)

SESI PERKONGSIAN ILMU DAN PENILAIAN PROPOSAL ACARA OLEH TOURISM INFORMATION CENTRE KUANTAN: DTM5033 EVENT OPERATION AND MANAGEMENT

POLITEKNIK METRO KUANTAN (PMKu), PAHANG



Bagi melahirkan graduan yang berkemahiran, pelajar DUP diberi latihan dan peluang untuk menguruskan acara. Sehubungan dengan itu, satu sesi perkongsian ilmu dan penilaian untuk proposal acara yang dirancang oleh pelajar telah diadakan dengan kerjasama Encik Megat Abdul Zaki bin Megat Abdul Hamed, Ketua Pegawai Operasi Pusat Penerangan Pelancongan Kuantan atau *TICK* (*Tourist Information Centre Kuantan*). Perkongsian ilmu ini melibatkan perbincangan dan penerangan tentang acara-acara yang sesuai untuk bidang pelancongan, kaedah penyediaan proposal yang betul, dan pengurusan penganjuran.

24 JULAI 2019 (RABU)

SLOT SINGGAH DESA @ HOMESTAY DESA MURNI TEMERLOH

DESA MURNI TEMERLOH, PAHANG



Seramai 5 pelajar DUS telah berkunjung ke industri bagi mendapatkan pengalaman dan pengetahuan tentang inap desa (*homestay*). Homestay Desa Murni Temerloh merupakan salah sebuah lokasi pelancongan berteraskan komuniti yang diwujudkan bagi meningkatkan sumber ekonomi komuniti setempat. Menerusi kursus *DTM6043 Community Based Tourism*, pelajar diberi pengetahuan dan pengalaman tentang produk pelancongan berdasarkan komuniti seperti program inap desa ini.

24 JULAI 2019 (RABU)

PROGRAM SEJUTA IMPIAN:

PERKONGSIAN ILMU KEUSAHAWANAN DARIPADA PENGASAS PRODUK NURRAYSA BEAUTY POLITEKNIK METRO KUANTAN (PMKu), PAHANG

Terima kasih diucapkan kepada pengasas produk Nurrraya Beauty, Puan Nur Aini binti Zolkepeli kerana hadir ke PMKu untuk berkongsi cerita dan tips kejayaan beliau sebagai usahawan produk kecantikan. Perkongsian daripada beliau menjadi pemangkin semangat keusahawanan dalam diri pelajar yang hadir sebagai peserta program ini. Sejuta Impian merupakan program anjuran Unit Keusahawanan PMKu dan merupakan program pengenalan dan pendedahan keusahawanan kepada pelajar.



27 - 28 JULAI 2019 (SABTU - AHAD)

KARNIVAL KEUSAHAWANAN PANTAI TIMUR

TELUK CHEMPEDAK KUANTAN, PAHANG

PMKu komited dalam membangunkan keusahawanan; baik kepada para pelajar mahupun di peringkat komuniti. Sehubungan dengan itu, PMKu secara aktif telah memberi kerjasama kepada SME Corp Negeri Pahang pada Karnival Keusahawanan Pantai Timur sempena Minggu Keusahawanan PKS Zon Timur dan Jelajah Informasi Usahawan Pahang (JUIP) 2019. Selain membuka gerai jualan dan kaunter promosi, PMKu turut menganjurkan Cabaran Ukiran Buah Pantai Timur 2019 dengan kerjasama SME Corp dan East Coast Chef Association. Pertandingan ini telah menarik penyertaan daripada pelajar, pensyarah, pekerja hotel dan sebagainya yang datang daripada 4 negeri; Pahang, Terengganu, Kuala Lumpur dan Melaka. Tahniah kepada Unit Keusahawan dan pelajar PMKu yang terlibat.



29 JULAI 2019 (ISNIN)

**LAWATAN KERJA DAN JALINAN MESRA PAHANG SKILLS DEVELOPMENT CENTRE
POLITEKNIK METRo KUANTAN (PMKu), PAHANG**



Pahang Skills Development Centre (PSDC) telah mengadakan lawatan kerja ke PMKu. Sesi ramah mesra, perbincangan dan lawatan telah dibuat sepanjang PSDC berada di PMKu. Peranan PMKu dan PSDC sebagai Institusi Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional (TVET) di Negeri Pahang memberi satu ruang dan peluang perbincangan yang aktif dan pertukaran idea yang produktif berteraskan satu matlamat yang sama iaitu sebagai institusi peneraju TVET.

02 OGOS 2019 (JUMAAT)

**PERKONGSIAN BAHAN INOVASI SEBAGAI ALAT BANTU MENGAJAR BIDANG HOSPITALITI
SMK GUDANG RASAU, KUANTAN, PAHANG**

Kumpulan B'Dazzle yang terdiri daripada 9 pensyarah PMKu telah menerima jemputan daripada SMK Gudang Rasau bagi perkongsian bahan inovasi bantu mengajar QR Code dan 360° video kepada pelajar katering dan penyajian makanan mereka. Guru Besar dan para guru yang terlibat turut meluangkan masa untuk sesi perbincangan dan penyampaian bahan oleh Puan Nurul Safawati binti Abd Aziz selaku wakil kumpulan B'Dazzle yang akan menyertai Konvesyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu 2019 pada 5 Ogos 2019 di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kedah.



02 OGOS 2019 (JUMAAT)

PMKu KE ARAH PEMATUHAN AUDIT ISO

POLITEKNIK METRo KUANTAN (PMKu), PAHANG

Sebagai persediaan ke arah pematuhan audit ISO, PMKu berbesar hati menerima kunjungan Ketua Auditor Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Puan Rosnani binti Ahmad yang hadir bersama Puan Iman binti Abdullah kerana sudi berkongsi ilmu dan pengetahuan tentang persediaan dan proses audit ISO kepada para auditor PMKu. Semoga perkongsian daripada beliau membantu PMKu dalam memenuhi kehendak ISO seperti yang telah ditetapkan oleh SIRIM.



03 – 04 OGOS 2019 (SABTU – AHAD)

KURSUS PRA PERKAHWINAN

POLITEKNIK METrO KUANTAN (PMKU), PAHANG

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PMKu di bawah bimbingan penasihatnya, Encik Muhamad Asyraf bin Rosli telah mengadakan Kursus Pra Perkahwinan dan telah menarik seramai 126 peserta yang terdiri daripada para pelajar dan komuniti setempat. Inisiatif MPP ini telah menjadikan PMKu sebagai sebuah pusat bertauliahan untuk menganjurkan Kursus Pra Perkahwinan Islam dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Daerah Kuantan. Kursus 2 hari ini dibimbing oleh pakar perundingan perkahwinan yang bertauliahan dan profesional yang sedia untuk memberi nasihat, pandangan, idea dan ilmu berkenaan perkahwinan dan rumah tangga kepada peserta.



05 – 08 OGOS 2019 (ISNIN - KHAMIS)

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF HORIZON BAHARU 2019

POLITEKNIK TUANKU SULTANA BAHIYAH, KEDAH



PMKu telah menghantar 2 kumpulan yang terdiri daripada para pensyarah, kumpulan pengurusan dan pentadbiran ke Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu, Peringkat Kebangsaan Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2019. Kedua-dua kumpulan yang menghasilkan produk inovasi penyampaian perkhidmatan; Kumpulan B'Dazzle dengan produk B'Dazzle Box telah berjaya meraih pengiktirafan pengiktirafan Perak (Silver), manakala Kumpulan Amazing mempertaruhkan inovasi Flipping Notes telah membawa pulang Gangsa (Bronze). Tahniah!



07 OGOS 2019 (RABU)

PROGRAM KEMBARA MERDEKA JALUR GEMILANG

UTC, KUANTAN, PAHANG

PMKu turut menyokong dan memeriahkan Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang yang diadakan oleh Jabatan Penerangan Negeri Pahang. Program ini bertujuan menggalakkan orang ramai dan agensi untuk mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang bulan Kemerdekaan negara.



08 OGOS 2019 (KHAMIS)

SLOT SINGGAH DESA @ ORCHID HOMESTAY

**TAMAN SEDIA, CAMERON HIGHLAND,
PAHANG**

Pelajar DUP mendekati industri pelancongan yang meningkatkan ekonomi komuniti iaitu inap desa di Taman Sedia, Cameron Highland. Kunjungan mereka merupakan aktiviti praktikal / kajian kes bagi kursus DTM6043 Community Based Tourism.



09 OGOS 2019 (JUMAAT)

SLOT SINGGAH DESA @ HOMESTAY

**KAMPUNG PASIR RAJA
KG PASIR RAJA, DUNGUN, TERENGGANU**



Slot Singgah Desa mendekati wakil komuniti homestay Kampung Pasir Raja di Dungun, Terengganu. Usaha para pelajar DUP ini berjaya memberi pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar DUP5 tentang kepentingan dan kesan industri pelancongan kepada masyarakat setempat.

09 OGOS 2019 (JUMAAT)

SLOT SINGGAH DESA @ HOMESTAY RUMPUN MAKMUR

RUMPUN MAKMUR, KUALA KRAU, PAHANG



Slot Singgah Desa sekali lagi mendekati masyarakat yang komited meningkatkan ekonomi mereka menerusi pembangunan produk inap desa di kawasan mereka.



15 OGOS 2019 (KHAMIS)

**KURSUS KEMAJUAN KERJAYA KEPADA PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI (PPPT)
POLITEKNIK METR0 KUANTAN (PMKU), PAHANG**

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) PMKu telah mengadakan Kursus Kemajuan Kerjaya kepada PPPT. Kursus 1 hari ini telah disampaikan oleh Tuan Hj. Ulaimi bin Yahya, C.A (M), B.S.K (Pengarah Politeknik Tawau Sabah) di Bilik Mesyuarat Utama PMKu. Persediaan untuk kemajuan kerjaya PPPT yang memberi fokus kepada kaedah, tips dan persediaan untuk memohon kenaikan pangkat. Terima kasih diucapkan kepada Tuan Hj. Ulaimi bin Yahya yang sudi berkongsi ilmu pengetahuan kepada semua pegawai yang hadir.



21 OGOS 2019 (RABU)

**PROGRAM OSH4U: KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA SEKTOR PELANCONGAN
DAN HOSPITALITI**

POLITEKNIK METR0 KUANTAN (PMKU), PAHANG



Program OSH4U di bawah seliaan pensyarah, Encik Fitri Sani bin Mohamad Abdul Hakim memberi pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerja yang memberi fokus kepada sektor pelancongan dan hospitaliti. Program 1 hari ini merupakan hasil kerjasama PMKu dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Pahang. Semoga penganjuran program seumpama ini dapat diteruskan dan memberi manfaat kepada para pelajar.

21 OGOS 2019 (RABU)

TAKLIMAT PENGGUNAAN B'DAZZLE BOX KEPADA GURU DAN MURID SMK GUDANG RASAU

POLITEKNIK METR0 KUANTAN (PMKU), PAHANG



B'Dazzle Box merupakan inovasi pendidikan untuk bidang perkhidmatan makanan yang dibangunkan oleh para pensyarah PMKu. SMK Gudang Rasau telah berkunjung ke PMKu untuk mempelajari dan diberi panduan tentang kaedah penggunaan *B'Dazzle Box* yang mampu memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran guru-guru yang mengajar katering dan penyajian makanan di sekolah mereka. Semoga perkongsian yang diberikan oleh pensyarah, Puan Nurul Safawati binti Abd Azizi dan Puan Noor Syaida binti Abdul Rahman membantu guru dan pelajar yang hadir.

22 OGOS 2019 (KHAMIS)

KHIDMAT KOMUNITI: PROGRAM GOTONG-ROYONG

TAMAN TAS, KUANTAN, PAHANG

Pelajar DHF PMKu telah mengikuti program gotong-royong bersama peniaga dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Taman Tas sempena persediaan Kuantan ke arah Bandaraya.



23 OGOS 2019 (JUMAAT)

SEMINAR PEMBANGUNAN HOMESTAY

POLITEKNIK METRO KUANTAN (PMKu), PAHANG



Pengurus Besar Kampungstay Desa Murni, Encik Azrul Izhar Hafiz telah sudi berkunjung ke PMKu untuk memberikan taklimat dan perkongsian ilmu dalam Seminar Pembangunan *homestay* kepada para pelajar DUP Semester 5. Terima kasih atas kesudian pihak Kampungstay Desa Murni dalam memberi input yang terbaik kepada pelajar PMKu.

23 OGOS 2019 (JUMAAT)

LATIHAN SENI UKIRAN BUAH-BUAHAN DAN SAYUR-SAYURAN KELAB ARTISTRY PMKu

POLITEKNIK METRO KUANTAN (PMKu), PAHANG

Ahli Kelab Artistry yang terdiri daripada para pelajar PMKu yang berminat dalam seni ukiran buah-buahan dan sayur-sayuran telah mengadakan latihan ukiran. Latihan ini disampaikan oleh pensyarah, Puan Rofidza binti Ramli.



24 OGOS 2019 (SABTU)

**PENINGKATAN KOMPETENSI PENSYARAH: KURSUS ASAS BARISTA
KOLEJ KOMUNITI KUANTAN, PAHANG**



Seramai 10 pensyarah PMKu telah menghadiri Kursus Asas Barista yang telah diadakan di Kolej Komuniti Kuantan. Kursus ini diberikan secara praktikal (*hands on*) kepada para pensyarah PMKu tentang cara menghasilkan *Latte Art* bermula daripada proses *grinding*, *temping*, penghasilan *espresso*, *milk steaming* dan *art making*.

24 OGOS 2019 (SABTU)

**KURSUS INTENSIF BAHASA JEPUN
POLITEKNIK METrO KUANTAN (PMKu),
PAHANG**



Pensyarah Cik Lee Pui Har selaku Ketua Kursus Pengajian Am komited mengadakan Kursus Intensif Bahasa Jepun yang terbuka kepada warga PMKu. Kursus ini mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada para pelajar dan pensyarah. Kemahiran berbahasa asing merupakan nilai tambah kepada para pelajar dan adalah relevan untuk diteruskan bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar PMKu.

24 OGOS 2019 (SABTU)

**KURSUS INTERPRETASI GRAFIK
POLITEKNIK METrO KUANTAN (PMKu),
PAHANG**



MPP PMKu telah menganjurkan Kursus Interpretasi Grafik yang terbuka kepada sesiapa yang berminat. Terhad kepada 30 peserta, kursus ini telah mendapat sambutan daripada warga PMKu dan pihak luar. Pensyarah, Cik Nor Akashah binti Kassim selaku tenaga pengajar telah berkongsi ilmu kepada para peserta tentang kaedah membina bahan promosi menggunakan Microsoft Powerpoint.

29 OGOS 2019 (KHAMIS)

**PROGRAM LAMAN SENI COLOURS OF MALAYSIA
PERKARANGAN PUSAT PENERANGAN PELANCONGAN KUANTAN, PAHANG**

Kursus DTM5033 Event Operation and Management memerlukan pelajar DUP Semester 3 untuk menguruskan dan mengadakan acara. Sehubungan dengan itu, pelajar DUP3 telah bekerjasama dengan Pusat Penerangan Pelancongan Kuantan atau TICK (Tourist Information Centre Kuantan) untuk menganjurkan Program Laman Seni: Colours of Malaysia sempena menyambut Kemerdekaan Negara. Pelbagai aktiviti dijalankan dan semoga usahasama ini berterusan dan dapat dimanfaatkan sebaiknya dalam membentuk kemahiran pengurusan acara dalam kalangan pelajar.



30 OGOS 2019 (JUMAAT)

**SAMBUTAN KEMERDEKAAN PERINGKAT PMKu 2019
POLITEKNIK METrO KUANTAN (PMKu), PAHANG**

Majlis Sambutan Kemerdekaan PMKu anjuran MPP PMKu telah berlangsung dengan jayanya. Syabas diucapkan kepada MPP PMKu di atas usaha menyemarakkan semangat patriotik dan cintakan negara dalam diri warga PMKu. Pelbagai aktiviti telah diadakan dan penglibatan semua pelajar adalah amat menggalakkan. Kemuncak sambutan adalah kiraan detik 12 malam bersama-sama pensyarah dan para pelajar yang hadir. Tahniah MPP PMKu!



PELAJAR PMKu MENYERLAH DI MALAYSIA POLYTECHNIC ENGLISH FESTIVAL



Pelajar PMKu, Saudara Muhammad Faid Ameer bin Musaddik merupakan pelajar semester 1 DUP telah menunjukkan bakatnya dengan mewakili PMKu ke Malaysia Polytechnic English Festival yang berlangsung di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Kedah pada 26 sehingga 28 Ogos 2019 (Isnin – Rabu). Walaupun baharu berusia 18 tahun, beliau mampu memberi saingan kepada 25 peserta politeknik yang lain dan berjaya ke peringkat akhir dan merupakan *Top-5 Finalist* bagi kategori *Newscasting*. Pelajar ini merupakan aset bahasa dan potensi usahawan *Poly Voice* PMKu. Tahniah kepada saudara Muhammad Faid. Semoga terus cemerlang dan menjadi sumber inspirasi rakan-rakan yang lain.

03 SEPTEMBER 2019 (SELASA)

KURSUS ASAS RENANG

HOTEL GRAND DARUL MAKMUR, KUANTAN, PAHANG



Sebagai persediaan bagi ujian amali Rekreasi Marin, para pelajar DUP Semester 3 telah mengikuti Kursus Asas Renang yang diadakan di Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan, Pahang

05 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)

MAJLIS PENUTUP PROGRAM ICT VILLAGE 1.0: ALUMNI CARE ZON TIMUR 2019

KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

Alumni PMKu, Saudara Muhammad Helmi bin Mehad telah terpilih untuk menerima Anugerah Ikon Alumni Politeknik Zon Timur 2019 dalam acara yang diadakan di Kuala Terengganu. Saudara Muhammad Helmi sedang melanjutkan pengajian di UiTM Dungun Terengganu dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda (Hons) Foodservice Management. Tahniah diucapkan kepada beliau dan semoga beliau terus menyumbang kepada PMKu dan komuniti.



07 SEPTEMBER 2019 (SABTU)

PMKu VOLUNTEERISM 2.0

MADRASAH ASYRAFUL MADARIS, BESERAH, KUANTAN, PAHANG & KAMPUNG SERI MAHKOTA, KUANTAN PAHANG

PMKu Volunteerism 2.0 berlangsung serentak di 2 lokasi berbeza iaitu di Madrasah Asyraful Madaris dan Kampung Seri Mahkota. Pelbagai aktiviti dijalankan antaranya Demonstrasi Masakan Makanan Sihat kepada hampir 200 pelajar Madrasah, Kursus Penyembelihan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Kursus Pembungkusan Produk IKS, Gotong-royong dan aktiviti rewang bersama komuniti kampung.



05 – 08 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS – AHAD)

KEM REKREASI TERRESTRIAL

KOMPLEKS RAKAN MUDA & SUKAN AIR ROMPIN, PAHANG



Kem Rekreasi Terrestrial diadakan kepada para pelajar DUP semester 2 sebagai latihan dan amali bagi kursus DTM3023 Recreational Tourism I (Terrestrial). Kursus ini diadakan dengan kerjasama *Health and Fitness Adventure*.

08 – 11 SEPTEMBER 2019 (AHAD – RABU)

KEM REKREASI MARIN

KOMPLEKS RAKAN MUDA & SUKAN AIR ROMPIN, PAHANG



Kem Rekreasi Marin telah diadakan kepada para pelajar DUP semester 3 sebagai latihan dan amali bagi kursus DTM5023 Recreational Tourism 2 (Marine). Kursus ini diadakan di Kompleks Rakan Muda & Sukan Air Rompin dengan kerjasama *Health and Fitness Adventure*.

07 – 11 SEPTEMBER 2019 (SABTU – RABU)

PENANG @ VENTURE EXPEDITION

SEKITAR PULAU PINANG



Pelajar DUP Semester 4 telah mengadakan program ekspedisi pelancongan bagi memenuhi keperluan kursus DTM3053 Tourism Expedition. Program yang diadakan di sekitar negeri Pulau Pinang ini membolehkan para pelajar untuk menyediakan, menguruskan dan mengalami sendiri lawatan ekspedisi yang dirancang oleh mereka. Pendidikan secara amali ini membolehkan pelajar mengenalpasti perkara-perkara utama dalam menguruskan program ekspedisi agar dapat memaksimumkan kepuasan pelancong dan meminimumkan kelemahan penganjuran.

10 SEPTEMBER 2019 (SELASA)

PERSAHABATAN BOLA SEPAK

KOMPLEKS BELIA & SUKAN KUANTAN, PAHANG

Kerjasama antara PMKu dan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) membolehkan para pelajar PMKu mengimbangi kecemerlangan akademik dan aktiviti kurikulum. Kolaborasi PMKu dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang dieratkan menerusi aktiviti sukan bola sepak yang diadakan setiap hari Selasa bermula jam 5 sehingga 7 petang di padang bola sepak Kompleks Belia dan Sukan Kuantan, Pahang.



13 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)

LAWATAN AKADEMIK KURSUS HALAL FOOD PRODUCTION

JAYA GADING PROCESSING FARM & AKIE HALAL FROZEN, KUANTAN, PAHANG

Bagi memenuhi keperluan kursus DTM3013 Halal Food Production, pelajar DHF semester 3 telah melawat ke Jaya Gading Processing Farm dan Akie Halal Frozen dan diberi pendedahan tentang pemprosesan produk daging dari proses penyembelihan sehingga penyediaan produk.



13 – 14 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT – SABTU)

LAWATAN INDUSTRI KURSUS TOURISM IN MALAYSIA & TRAVEL AGENCY OPERATION

AL SAFINA KIJAL BEACH RESORT & KOMPLEKS KRAF NOOR ARFA BATIK, TERENGGANU

Lawatan para pelajar DUP Semester 1 dan 3 bagi memenuhi keperluan kursus DTM3012 Travel Agency Operation dan DTM10093 Tourism in Malaysia. Semoga para pelajar memperoleh ilmu yang berguna sepanjang lawatan ini dijalankan.



13 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)

PMKu x PMS INTEGRATED TOURISM PILOT

POLITEKNIK METR0 KUANTAN (PMKu), PAHANG

Program yang dilaksanakan dengan seliaan Cik Norhaslin binti Abu Hassan ini bertujuan untuk membantu kumpulan pelajar untuk proses persiapan Projek Tahun Akhir mereka. Projek ini adalah kerjasama antara PMKu dan Politeknik Muadzam Shah (PMS).



15 SEPTEMBER 2019 (AHAD)

PERSEMBAHAN KELAB SILAT SENI PMKu

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA (UIA) KUANTAN, PAHANG



Kelab Silat Seni PMKu di bawah bimbingan pensyarah, Encik Nik Haikal bin Mohamed Hassan telah menerima undangan persembahan silat seni di Majlis Perkahwinan di UIAM Kuantan Pahang.

15 – 22 SEPTEMBER 2019 (AHAD – AHAD)

PROGRAM 6-DAYS TRAINING WORKSHOP ON CONSTRUCTION AND ENGINEERING

TECHNOLOGIES BAGI PENSYARAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

GUIZHOU POLYTECHNIC OF CONSTRUCTION QUIYANG CHINA



Pensyarah PMKu, Puan Noor Farizan binti Basroh adalah antara 28 pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia yang telah terpilih untuk menyertai Bengkel Latihan berkaitan bidang Kejuruteraan, Pembinaan dan Hospitaliti di Guizhou Polytechnic of Construction Guiyang China. Bengkel ini berlangsung atas dasar jemputan daripada pihak Guizhou Polytechnic untuk memberi pengalaman baharu kepada para pensyarah melalui pemindahan dan perkongsian kepakaran dan kemahiran dalam bidang teknikal dan perkhidmatan antara Malaysia dan China. Selain memberi peluang kepada pensyarah mengaplikasi dan mengadaptasi teknologi baharu, program ini secara tidak langsung dapat mempromosikan jenama pendidikan TVET Malaysia.

16 – 19 SEPTEMBER 2019 (ISNIN – KHAMIS)

POLYSKILL 2019

POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, TERENGGANU

Tahniah diucapkan kepada peserta dan jurulatih PMKu yang berusaha gigih bagi penyertaan ke Polyskill 2019. Program yang berlangsung selama 4 hari di PSMZA ini melibatkan penyertaan PMKu dalam bidang *Pastry*, *Bakery*, *Carving*, *Restaurant Service* dan *Tourist Guide*. PMKu meraih gangsa (bronze) dalam semua kategori yang disertai.



18 SEPTEMBER 2019 (RABU)

KEMPEN KESEDARAN KANSER DAN PROGRAM DERMA DARAH

POLITEKNIK METR0 KUANTAN (PMKu), PAHANG

Kempen Kesedaran Kanser dan Derma Darah telah diadakan dengan jayanya di PMKu. Kempen ini telah dijayaikan oleh pelajar DHF yang mengikuti kursus DTM5033 Event Operation and Management. Kempen ini telah mendapat kerjasama penuh daripada Jabatan Tabung Darah HTAA serta Jabatan Kesihatan Negeri Pahang.



18 – 19 SEPTEMBER 2019 (RABU – KHAMIS)
PERTANDINGAN INOVASI PENSYARAH
(PERISA) TVET 2019
KOLEJ KOMUNITI SELAYANG, SELANGOR



4 pensyarah PMKu, Puan Nurullia Natasha binti Jamal, Puan Noor Syaida binti Abdul Rahman, Puan Nurul Safawati binti Abd Aziz dan Encik Muhamad Asyraf bin Rosli telah membawa produk inovasi mereka, *Dazzle'sphere* yang merupakan inovasi pendidikan berbentuk IR4.0. Tahniah diucapkan kepada para pensyarah tersebut kerana berjaya meraih pengiktirafan perak (*silver*) dalam pertandingan ini.

19 - 20 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS – JUMAAT)
FUNBERRY ESCAPE: PROJECT TRAVEL
AGENCY OPERATION VS INDUSTRIAL VISIT
TOURISM IN MALAYSIA
CAMERON HIGHLANDS, PAHANG



Pelajar DUP dilatih sebagai koordinator pelancongan menerusi program ini. Pengurusan agensi pelancongan bermula dari pembangunan, penjualan dan pelaksanaan pakej pelancongan.

24 SEPTEMBER 2019 (SELASA)
KUNJUNGAN PERTUBUHAN SAHABAT
TELEKUNG KUANTAN KE PMKu
POLITEKNIK METRo KUANTAN, PAHANG

PMKu telah menerima kunjungan Pertubuhan Sahabat Telekung Kuantan (STK). STK telah menyerahkan 30 pasang telekung untuk kegunaan para pelajar di surau PMKu. Pertubuhan ini juga sudi menyediakan khidmat nasihat dan sukarelawan tentang pengurusan telekung di PMKu. Terima kasih STK di atas kesudian mereka berkunjung ke PMKu.



PERTANDINGAN MEREKA CIPTA LOGO KREATIF BERTEMAKAN PMKu TOWARD ZERO SINGLE-USE PLASTIC



Tahniah diucapkan kepada Penolong Jurutera PMKu, Puan Nur Atiqah binti Mat Zin @ Abdul Rahim kerana telah menjuarai pertandingan mereka cipta logo kreatif sempena kempen *PMKu Toward Zero Single-Use Plastic*. Banyak penyertaan diterima daripada warga PMKu dan pemilihan pemenang adalah daripada jumlah ‘like’ terbanyak di Facebook PMKu. Syabas!

19 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)
PROGRAM ASPIRASI GAGASAN ALUMNI
ZON PAHANG
HOTEL MANDURAH, KUANTAN, PAHANG

Saudara Mohd Abu Nazeim merupakan alumni PMKu telah diundang untuk berkongsi pengalaman sebagai pelajar PMKu dan kejayaan beliau selepas menamatkan pengajian dalam Slot Santai Alumni Hebat Zon Pahang. Saudara Mohd Abu Nazeim kini merupakan salah seorang pembekal dan usahawan muda di Kuantan. PMKu amat berbangga dengan pencapaian dan kejayaan beliau. Semoga beliau terus cemerlang.



22 SEPTEMBER 2019 (AHAD)
PERTANDINGAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH
KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN PAHANG

Pertandingan Bola Sepak 9 sebelah yang melibatkan pertandingan antara pelajar mengikut semester dan kakitangan PMKu telah diadakan. Program ini diadakan sebagai salah satu slot Karnival Sukan PMKu, di samping mengeratkan hubungan antara warga PMKu menerusi aktiviti sukan.



25 SEPTEMBER 2019 (RABU)
LATIHAN AMALI PEMANDU PELANCONG
SEKITAR KUALA LUMPUR

Memandangkan kemahiran pemandu pelancong mampu menjana pendapatan yang tinggi di Malaysia, pelajar DUP bukan sahaja di latih secara teori di bilik kuliah. Pensyarah Pelawat Industri dilantik dalam kalangan Pemandu Pelancong Berlesen, iaitu Cik Izreen telah memberi pendedahan secara langsung tentang panduan pemandu pelancong kepada para pelajar terutamanya di kawasan tarikan pelancong.



26 SEPTEMBER 2019 (RABU)

PROJECT INNOVATION SHOWCASE JUNE 2019

POLITEKNIK METRO KUANTAN, PAHANG

Sebanyak 8 kumpulan pelajar DUP dan 14 kumpulan pelajar DHF telah mempamerkan hasil produk inovasi bagi Projek Tahun Akhir mereka. Semua pelajar semester 5 mempamerkan kreativiti mereka dan penilaian telah dibuat oleh juri jemputan daripada pihak industri dan institusi. Terima kasih diucapkan kepada Puan Noorazlin binti Ramli daripada Fakulti Hotel dan Pelancongan UiTM Dungun; Encik Mohd Yusrizal Omar (Naib Yang DiPertua) Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pahang; Cik Yusnita binti Abd Rahman (Ketua Program) Sijil Pelancongan dan Pengembawaan, Kolej Komuniti Pekan dan Encik Aziz bin Alauddin daripada Pejabat Pelancongan Pahang kerana sudi meluangkan masa menjayakan program sebagai juri.



26 SEPTEMBER 2019 (RABU)

INTERNATIONAL INNOVATION AND INVENTION CHALLENGE EXHIBITION 2019 (INTELLIGENT'19)

POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, TERENGGANU

PMKu mengucapkan tahniah kepada pensyarah Puan Wan Fatimah binti Wan Mohd Nowalid, Puan Rofidza binti Ramli dan Cik Zarina binti Mokhtaruddin bersama pelajar DHF, Saudari Nik Nurul Fatihah binti Mohd Fikri dan Saudari Siti Nur Hidayah binti Hatim di atas kejayaan mereka meraih pingat emas (*gold*) dalam pertandingan peringkat antarabangsa. Mereka mempertaruhkan produk inovasi, Biodegradable C-Products. Tahniah dan syabas diucapkan!



26 SEPTEMBER 2019 (RABU)

**PROGRAM KESEDARAN HALAL
SEKOLAH KEBANGSAAN BUNUT
RENDANG, KUANTAN**

Sesi perkongsian ilmu tentang halal telah dilaksanakan oleh pelajar DHF3A di bawah seliaan pensyarah, Puan Sharizainor Sharina binti Mohamed Shariff.



27 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)

BENGKEL PHOTO POINT

POLITEKNIK METRO KUANTAN, PAHANG

Bengkel Photo Point telah dianjurkan oleh pelajar semester 3 di bawah kursus DRK3112 Komputer yang telah berlangsung di Makmal Komputer PMKu.



27 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)

**PERHIMPUNAN BULANAN ANJURAN
PROGRAM DHF DAN PELANCARAN PMKu
TOWARD ZERO SINGLE-USE PLASTIC
POLITEKNIK METRO KUANTAN, PAHANG**

Perhimpunan Bulanan Kakitangan PMKu telah diadakan dengan anjuran Unit DHF, JPH, PMKu. Penyampaian amanat oleh Tuan Pengarah PMKu, penyerahan Sijil Anugerah Pekerja Contoh dan Pelancaran Kempen Hindari Plastik Sekali Guna merupakan antara pengisian perhimpunan bulanan kali ini.



27 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)

PROGRAM PMKU UNKNOWN BATTLEGROUND POLITEKNIK METrO KUANTAN, PAHANG

Para pelajar kursus DRK3112 Komputer telah menganjurkan PMKu Unknown Battleground 2019. Sebanyak 8 kumpulan yang terdiri daripada 32 pelajar semester 1 sehingga 5 telah menyertai program ini.



28 SEPTEMBER 2019 (SABTU)

KEJOHANAN FUTSAL TERBUKA KUANTAN BAWAH 30 2019 FERRO FUTSAL BATU 6, KUANTAN, PAHANG



Kejohanan anjuran kelas DHF4B di bawah seliaan pensyarah kursus, Encik Ahmad Rasa'rim Razzali bagi memenuhi keperluan kursus DTM5033 Event Operation and Management. Program ini dirasmikan oleh Tuan Haji Fakhru Anuar bin Zulkawi, Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada YB Fuziah Saleh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Kuantan. Selain penyertaan daripada para pelajar PMKu, kejohanan ini turut menarik penyertaan beberapa institusi pendidikan tinggi sekitar Kuantan termasuk Widad University College dan University College Yayasan Pahang. Tahniah kepada para pelajar yang telah berusaha keras bagi memastikan perjalanan program lancar.



28 SEPTEMBER 2019 (SABTU)

PERSEMBAHAN SILAT PULUT OLEH PERSATUAN SILAT SENI PMKu PUSAT PENERANGAN PELANCONGAN KUANTAN

Tahniah kepada Persatuan Silat Seni PMKu di bawah bimbingan Encik Nik Mohd Haikal bin Mohamed Hassan yang sentiasa komited dalam mengekalkan seni budaya Malaysia. Menerusi Persatuan Silat Seni PMKu, para pelajar juga boleh bergiat aktif dalam memartabatkan seni silat. Selain itu, PMKu juga sering menerima undangan untuk mengadakan persesembahan Silat Pulut di pelbagai acara. Semoga usaha ini mampu mengembalikan kegembilangan warisan bangsa tercinta.



PROGRAM EXPERIENTIAL LEARNING 2019

HOTEL ROCANA DAN HOTEL GRAND DARUL MAKMUR, KUANTAN, PAHANG



28 SEPTEMBER 2019 (SABTU)

KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN POLITEKNIK METrO KUANTAN, PAHANG

Kursus kali ini telah mencapai siri 20/2019. PMKu merupakan pusat Kursus Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kepada yang berminat untuk menyertai kursus ini boleh menghubungi Unit ULPL PMKu.



29 SEPTEMBER – 01 OKTOBER 2019

(AHAD – SELASA)

PROJEK PEMBANGUNAN HOMESTAY

SUNGAI PASU RAUB, PAHANG



Sekalung penghargaan kepada Puan Sumi binti Ngah, penyelaras Homestay Sungai Pasu, Encik Mohd Zaidi bin Hashim, pengurus MPKK Sungai Pasu dan 8 keluarga angkat yang terlibat menjayakan program ini. Program ini disertai oleh para pelajar DUP5.

11 OKTOBER 2019 (JUMAAT)

LAWATAN DE RHU BEACH RESORT KE PMKu

POLITEKNIK METRo KUANTAN, PAHANG

Terima kasih di atas kunjungan Encik Reza Rashid (General Manager), Encik Azman Alias (F&B Manager) dan Encik Abd Halin Yunos (HR Manager) De Rhu Beach Resort ke PMKu. Kunjungan mereka adalah bertujuan untuk perbincangan ke arah mewujudkan kolaborasi strategik Antara PMKu dan De Rhu Beach Resort.



07 OKTOBER 2019 (ISNIN)

TOURISM GEOGRAPHY EXHIBITION

POLITEKNIK METRo KUANTAN, PAHANG

Para pelajar DUP Semester 1 berkongsi pengetahuan dan ilmu yang diperoleh tentang sesebuah negara melalui kelas Tourism Geography bersama Puan Nurhidayah binti Hilimi.



07 OKTOBER 2019 (ISNIN)

BENGKEL MOTIVASI DAN KESERONOKAN DALAM BELAJAR BERSAMA PU AZMAN

KOMPLEKS DAGANGAN MAHKOTA, KUANTAN, PAHANG



Pelajar DHF4A menunjukkan hasil pengurusan acara yang memberangsangkan kerana berjaya menganjurkan Bengkel motivasi bersama ustaz celebriti, PU Azman. Bengkel ini terbuka kepada warga PMKu dan komuniti.

07 OKTOBER 2019 (ISNIN)

MAJLIS APRESIASI DAN INNOVATION SHOWCASE 2019

HOTEL MANDURAH, KUANTAN PAHANG



03 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SEMINAR KESEDARAN HINDARI PLASTIK

SEKALI GUNA

POLITEKNIK METRo KUANTAN, PAHANG

Seminar ini telah disampaikan oleh Puan Hajidah Md Noh daripada SWCorp. Terima kasih kepada Puan Hajidah kerana sudi meluangkan masa berkongsi ilmu kepada para pelajar PMKu.



Tahniah kepada penasihat akademik semester 5, Puan Noor Syaida binti Abdul Rahman dan Puan Nurhidayah binti Hilimi di atas bimbingan kepada para pelajar semester 5 untuk menganjurkan program ini. Majlis ini meraikan para pelajar semester akhir di PMKu yang akan mengikuti Latihan Industri. Selain itu, acara kemuncak adalah pengumuman keputusan *Innovation Showcase* para pelajar yang amat dinantikan.

08 OKTOBER 2019 (JUMAAT)

LAWATAN YAYASAN AL-WARDAH

POLITEKNIK METrO KUANTAN, PAHANG

PMKu berbesar hati menerima lawatan daripada pihak Yayasan Al-Wardah diketuai Pengarah Urusan, Encik Ahmad Nurshafiq bin Amir Luddin. Sesi lawatan dan perjumpaan ini bertujuan untuk mencari ruang dan peluang jalinan kerjasama Antara kedua pihak melalui platform kerjasama strategik dan penasihat industri.



10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SEMINAR PLASTIK MUSUH UTAMA ALAM SEKITAR

POLITEKNIK METrO KUANTAN, PAHANG

Terima kasih kepada Puan Nor Jehan binti Abu Bakar daripada Malaysia Nature Society Pahang yang sudi hadir menyampaikan seminar kepada kakitangan dan pelajar PMKu. Melalui seminar ini, penghayatan terhadap kempen hindari penggunaan plastik sekali guna dapat ditingkatkan



11 OKTOBER 2019 (JUMAAT)

BENGKEL TANGANI STRESS MELALUI TERAPI SENI KULINARI

POLITEKNIK METrO KUANTAN, PAHANG

Tahniah kepada Kelab Artistry yang telah berjaya mengadakan bengkel yang unik dan bersesuaian dengan kepakaran PMKu. Seni kulinari telah diolah menjadi satu bentuk terapi melalui pembuatan kek bulan pelbagai perisa dan warna.



12 OKTOBER 2019 (SABTU)

LAWATAN PENINGKATAN KEMAHIRAN SELANGOR INTERNATIONAL CULINARY FESTIVAL 2019

SELANGOR

Lawatan anjuran Kelab Artistry PMKu ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang suasana pertandingan kulinari peringkat antarabangsa.



16 – 17 OKTOBER 2019 (RABU – KHAMIS)

BENGKEL AUDIT DALAMAN ISO

POLITEKNIK METrO KUANTAN, PAHANG

Bengkel ini disampaikan oleh Encik Khalid bin Libar dari SIRIM. Terima kasih di atas taklimat dan pencerahan ke arah persediaan audit ISO di PMKu.



17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

FOOD CHARITY #DUP5BAGIMAKAN

POLITEKNIK METrO KUANTAN, PAHANG

Program ini bertujuan membantu meringankan beban kos sara diri pelajar dengan pemberian makanan percuma kepada pelajar PMKu. Terima kasih kepada Persaka Persada Sdn. Bhd. serta pihak lain yang memberi sumbangan untuk menjayakan program ini.



18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)

MAJLIS APRESIASI KECEMERLANGAN BAKAT

POLITEKNIK METrO KUANTAN, PAHANG

Majlis ini diadakan untuk menghargai usaha pelajar dan jurulatih yang mewakili PMKu dalam pelbagai pertandingan. Terima kasih diucapkan di atas usaha gigih dan tahniah di atas segala kejayaan yang diperoleh.



18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)
LAWATAN AKADEMIK DTF10093
INTRODUCTION TO HALAL
FOODSERVICE INDUSTRY
DE RHU BEACH RESORT, KUANTAN,
PAHANG



22 OKTOBER 2019 (SELASA)
PENINGKATAN KOMPETENSI PENSYARAH:
KURSUS ASAS RENANG
KOMPLEKS AKUATIK MPK, KUANTAN

Kursus asas renang melibatkan pensyarah JPH ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pensyarah untuk melatih pelajar dalam rekreasi pelancongan.



24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)
SUNTIKAN TYPHOID PELAJAR SEMESTER 1 DHF
POLITEKNIK METR0 KUANTAN, PAHANG

Sesi suntikan typhoid untuk pelajar semester 1 program DHF telah dilaksanakan sebagai persediaan untuk pelajar mengikuti kursus Basic Eastern and Western pada semester 2 akan datang.



25 OKTOBER 2019 (JUMAAT)
LAWATAN KERJA PIHAK BUKIT GAMBANG RESORT CITY KE PMKu
POLITEKNIK METR0 KUANTAN, PAHANG

PMKu berbesar hati menerima kunjungan pihak Bukit Gambang Resort City (BGRC) yang diwakili Senior Human Resource Executive, Cik Nor Hafaniza binti Abdul Rawoh. Sesuai dengan bidang hospitaliti yang ditawarkan di PMKu, pelbagai aspek dapat dijalankan kerjasama seperti peluang latihan staf, latihan pelajar, kemudahan pelaksanaan program dan lain-lain.



28 OKTOBER 2019 (ISNIN)
LAWATAN PENANDA ARAS UNIT
PENTADBIRAN DAN KEWANGAN PMKu
LANGKAWI TOURISM ACADEMY, KEDAH



Pelbagai input berguna telah diperoleh oleh peserta lawatan terutama berkaitan pengurusan stor dan penyelenggaraan. Terima kasih kepada pihak Langkawi Tourism Academy di atas kesudian menerima kunjungan PMKu

31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)
LAWATAN PENANDA ARAS LEAN MANAGEMENT
KUANTAN MEDICAL CENTRE (KMC)

Terima kasih diucapkan kepada pihak pengurusan KMC yang sudi menerima kunjungan PMKu. Taklimat tentang skop pengurusan *Lean* yang telah dilaksanakan di KMC serta lawatan di unit-unit yang terlibat, diharap dapat membantu PMKu dalam pengurusan *Lean* di PMKu.



01 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)
MAJLIS PENUTUPAN KEMEPN PMKu TOWARD ZERO SINGLE USE PLASTIC
POLITEKNIK METR0 KUANTAN, PAHANG

Majlis Penutupan Kempen *PMKu Toward Zero Single Use Plastic* telah dimulakan dengan acara gotong-royong EKSA yang mana proses menghapuskan semua plastik sekali guna di bangunan PMKu. Walaupun kempen telah berakhir, PMKu tetap komited dan berusaha untuk memastikan amalan untuk penghindaran penggunaan plastik sekali guna ini diteruskan dalam kalangan warga PMKu.



01 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

SESI KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH PMKu KEPADA YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN, PAHANG

Tuan Pengarah PMKu, Encik Rosli bin Zainuddin, AMP telah berkunjung ke MPK bertemu dengan Yang Di Pertua MPK, YH. Dato' Hamdan Bin Hussin, DIMP., SAP., AAP., AMP. bagi sesi perbincangan bagi peluang jalinan kerjasama di antara PMKu dan MPK. Setinggi penghargaan diucapkan kepada YH. Dato' atas kesudian meluangkan masa untuk sesi pertemuan ini. Semoga jalinan kerjasama ini dapat memberi impak positif kepada kedua-dua pihak.



06 NOVEMBER 2019 (RABU)

MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PERLANTIKAN AJK PENASIHAT INDUSTRI DAN MAJLIS MENANDATANGANI KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA INDUSTRI POLITEKNIK METrO KUANTAN, PAHANG



Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang bersetuju menjalinkan kerjasama strategik dan sudi bertindak selaku penasihat industri PMKu. Majlis ini telah disempurnakan oleh Ts Hajah Zainah binti Rujihan, Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, JPPKK, KPM.

08 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

BENGKEL LEARNING MANAGEMENT SYSTEM (LMS) VERSI 3.5 POLITEKNIK METrO KUANTAN PAHANG



Para pensyarah komited menghadiri dan menjayakan bengkel sebagai persediaan penggunaan LMS baru pada semester Disember 2019 akan datang.

16 NOVEMBER 2019 (SABTU)

KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN WHITE & BLACK CABIN, KUANTAN PAHANG



ULPL PMKu telah mengadakan Kursus Latihan Pengendali Makanan kepada kakitangan White & Black Cabin.

17 – 19 NOVEMBER 2019 (AHAD – SELASA)

PROGRAM PERKAMPUNGAN WARISAN NUSANTARA KAMPUNGSTAY DESA MURNI TEMERLOH PAHANG

Program ini merupakan pemangkin dan batu loncatan bagi perencanaan Festival Kampung Warisan Nusantara 2020 yang dijangka akan dianjurkan pada 3 – 6 April 2020 sempena Visit Malaysia Year 2020. PMKu turut mencari peluang untuk kelangsungan aktiviti-aktiviti kerjasama bersama pihak homestay dan juga jemputan-jemputan industri pelancongan dari luar negara.

